

07 SEP 1998

Umno-Ghani

ANGGOTA YANG CUBA PECAHKAN PERPADUAN DIAWASI, KATA GHANI

JOHOR BAHRU, 7 Sept (Bernama) -- Umno Johor akan mengawasi pergerakan mana-mana anggotanya yang cuba memecah-belahkan perpaduan di kalangan masyarakat Melayu berikutan pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta pemecatannya daripada UMNO.

Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata langkah itu penting bagi memastikan perpaduan dan kestabilan politik rakyat Johor terus terpelihara.

"Jika ada di kalangan anggota Umno yang cuba memecah-belahkan perpaduan, senarai nama mereka akan dihantar kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk tindakan lanjut," katanya kepada pemberita di sini.

Abdul Ghani bagaimanapun berkata setakat ini perkembangan di Johor adalah memuaskan kerana mesyuarat Perhubungan Umno Negeri yang diadakan di Muar, Khamis lepas telah bersetuju dengan sebulat suara menyokong dan berdiri teguh di belakang Presiden parti, Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Ghani berpendapat sekarang adalah masa yang paling sesuai untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan anggota Umno dan penjelasan mengenai perkara itu perlu disampaikan kepada seluruh anggota.

Katanya, masyarakat Melayu perlu sedar tentang pentingnya menjaga perpaduan dan keharmonian kerana rakyat asing akan menggunakan kesempatan ini menerusi media masing-masing untuk memburukkan lagi keadaan.

Abdul Ghani juga mengingatkan rakyat Johor supaya tidak menyalahgunakan masjid untuk tujuan tertentu termasuk ceramah politik atau apa-apa kegiatan yang boleh memecah-belahkan perpaduan masyarakat Islam.

"Semua masjid di Johor dilarang menganjurkan ceramah seumpama itu dan peraturan itu hendaklah sentiasa dipatuhi seluruh umat Islam di negeri ini," katanya.

-- BERNAMA

BH NMO